

**Muhyiddin Terima Kunjungan Menteri Hal Ehwal Ekonomi Switzerland
Bernama
05 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menerima kunjungan hormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi Switzerland Johann N. Schneider-Ammann di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini.

Pertemuan selama 45 minit itu membincangkan usaha memperkukuhkan dan meningkatkan perhubungan antara dua negara dalam bidang ekonomi, perniagaan, pendidikan dan kerjasama saintifik.

Turut hadir pada pertemuan delegasi seramai lima orang itu ialah Duta Besar Switzerland ke Malaysia Dr Rolf Lenz.

Schneider-Ammann berada di Malaysia dalam rangka lawatan tiga hari sejak Sabtu serta menghadiri forum perniagaan anjuran ahli perniagaan Switzerland di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707027>